

# Pendebat USIM raih Piala Ibnu Khaldun



Pendebat-USIM bangga menjulang piala Pasukan **Terbaik Liga** dan **Piala Ibnu Khaldun**.

**Nilai:** Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) terus mengukuhkan reputasi dalam arena perdebatan peringkat universiti apabila muncul juara Kejohanan Debat Ekonomi Piala Ibnu Khaldun, di sini, baru-baru ini.

Pendebat USIM yang dibarisi Ikmal Jamaluddin, Siti Suhaila Sharudin, Ahmad Farouq Ahmad Fuad dan Wan Nur Afifah Wan Nafi berjaya mengetepikan cabaran pendebat Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dalam saingan akhir kejohanan itu.

Membahaskan usul 'KWSP: Kera Di Hutan Disuskan', USIM bertindak sebagai pembangkang tampil dengan hujah bernas dan kukuh bagi melayakkan mereka bergelar juara, menewaskan UniSZA selaku kerajaan.

Kejayaan itu melayakkan

USIM membawa pulang Piala Pusingan Ibnu Khaldun, wang tunai RM2,000, piala iringan dan sijil penghargaan, manakala UniSZA menerima wang tunai RM1,000, piala dan sijil penghargaan.

## **Terbaik liga**

USIM turut diumumkan sebagai pasukan terbaik keseluruhan liga dan pendebat UniSZA, Muhd Ammar Rafiq Ruslan pula meraih gelaran Pendebat Terbaik Akhir dengan hadiah wang tunai RM500.

Selain USIM dan UniSZA, kejohanan anjuran Fakulti Ekonomi dan Muamalat USIM dengan kerjasama Kelab Debat USIM dan Pertubuhan Alumni Debat Malaysia turut disertai pendebat dari Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Malaysia Pahang, Universiti Malaya dan Universiti Teknologi MARA Dungun.